



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden

DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

Timbalan Presiden

KAPTEN NAJMUDDIN B. MOHD IBRAHIM (B)

Naib Presiden

MEJ. JEN. DATO' MOHD YUNUS B. LONG (B)
SALIZA BT ABDULLAH
MOHAMMAD UBADILLAH B. IMAN

Setiausaha Kehormat

KU NORAZMI B. IMAM ASMAWI

Bendahari Kehormat

IR. SOFIA BT DATO' IR. JOHARI

Pengolong Setiausaha

ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

Pengolong Bendahari

DATO' HABIBULLAH B. DATO' HJ AHMAD

Ahli-ahli Jawatankuasa

DATO' HJ. JAAFAR B. HJ MAT
KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)
MOHD YUSOFF B. M DAUD
ADNAN B. ABDULLAH
ADILA B. DATO' ABDULLAH
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL B. ABD RAHMAN
TUDM(B)
MOHAMMED FADZLAN B. MUSTAPA
DATO' DR. BASANT SINGH SIDHU
DATUK ZAIDI B. MOHAMED

Juruaudit Dalam

MOHD HODORI B. SARBINI
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi Zon WP Kuala Lumpur

DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR

Pengerusi Zon Selangor

SHANKER RAJ AYANGER

Pengerusi Zon Johor

DATUK MHD. TAHIR B. MOHD NOAH

Pengerusi Zon Perak

ZAITON BT MOHD NUSI

Pengerusi Zon Terengganu

HJ NORZAINI B. HUSSIN

Pengerusi Zon Kelantan

AFENDI BIN MUKHTAR

Pengerusi Zon Pahang

MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

Pengerusi Zon Pulau Pinang

MUHAMMAD SYAFIQ B. ISHAK

Pengerusi Zon Kedah & Perlis

DATO' PADUKA HJ AB RAHAMAN BIN JAPAR

Pengerusi Zon Melaka

DATO' GAN PENG LAM

Pengerusi Zon Negeri Sembilan

MEJ. MOHD ZAINAL B. JUNI (B)

Pengerusi Zon Sabah

KAPTEN MAZALAN B. FADZIL (B)

Pengerusi Zon Sarawak

SHAHARUDDIN B. SAMSI

Sekretariat

Pengurus Besar

JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2020(27)

14 MEI 2020

SEMUA AHLI PIKM
(U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE - 27/2020:

SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) OLEH KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Bersama ini dilampirkan Soalan Lazim (FAQ) berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bertarikh 13 Mei 2020 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bertarikh 21 Mac 2020 yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang jelas menerangkan maksudnya tersendiri untuk makluman Ahli-ahli PIKM.

Untuk perhatian lanjut Ahli-ahli PIKM.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF
PRESIDEN**



SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

A. UMUM

1. Adakah kaunter perkhidmatan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dibuka ketika PKPB?

Ya. Kaunter perkhidmatan KDN **dibuka setiap hari bekerja secara temujanji mulai 4 Mei 2020.**

2. Bagaimanakah cara untuk mendapatkan temujanji?

Penetapan temujanji boleh dibuat mengikut urusan dengan menghubungi Bahagian-bahagian berikut:

- i. Bahagian Pendaftaran Negara & Pertubuhan (03 8886 3367 / 03 8886 3172);
- ii. Bahagian Hal Ehwal Imigresen (03 8886 3171 / 03 8886 3297);
- iii. Bahagian Keselamatan (03 8886 3956 / 03 8886 8321);
- iv. Pejabat Penapisan Filem (03 8886 3224); dan
- v. Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan (03 8886 8406 / 03 8886 8573)

3. Apakah yang boleh dilakukan sekiranya pelanggan tidak pasti Bahagian mana yang perlu dihubungi untuk mendapatkan temujanji?

Pelanggan boleh menghubungi Bahagian Komunikasi Korporat melalui 038886 3407/8571 bagi sebarang pertanyaan atau penjelasan lanjut.

4. Apakah langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh KDN untuk pelanggan yang berurusan?

- a. Pelanggan dengan temujanji perlu menjalani saringan suhu di pintu masuk Kompleks KDN. Sekiranya bacaan suhu badan pelanggan melebihi 37.5 darjah Celsius atau didapati mempunyai gejala, pelanggan tersebut tidak dibenarkan untuk memasuki premis dan perlu dirujuk ke hospital/klinik berhampiran bagi pemeriksaan lanjut.
- b. Pelanggan digalakkan untuk memakai *face mask* ketika berurusan.
- c. Cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) juga disediakan untuk kegunaan pelanggan.

5. **Adakah amalan penjarakan sosial perlu diamalkan oleh pelanggan semasa berurusan?**

Ya. Pelanggan **perlu sentiasa** mempraktikkan penjarakan sosial (1 meter) semasa berurusan.

6. **Bagaimanakah cara sekiranya saya mempunyai urusan di kaunter Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara ?**

Pelanggan dinasihatkan untuk **mendapatkan temujanji sebelum hadir** ke kaunter Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara. Kaedah temujanji adalah seperti berikut :

	Jabatan	Kaedah Temujanji
a.	Jabatan Imigresen Malaysia	Sistem Temujanji Online (STO) url : www.sto.imi.gov.my * Sistem beroperasi mulai 8 Mei 2020 (Jumaat)
b.	Jabatan Pendaftaran Negara	Tel : 03 8880 7077 03 8880 8076 E-mel : pro@jpn.gov.my

7. **Bagaimanakah pelaksanaan operasi penguatkuasaan dan kawalan sempadan negara ketika PKPB?**

Operasi penguatkuasaan dan kawalan sempadan negara **dilaksanakan seperti biasa untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman awam** dengan pematuhan Garis Panduan KKM.

8. **Adakah peralatan perlindungan diri disediakan kepada setiap anggota yang bertugas?**

Setiap anggota yang bertugas dibekalkan dengan *face mask*, sarung tangan getah dan *hand sanitizer*. Anggota **diwajibkan** untuk memakai *face mask*, sarung tangan getah dan kerap menggunakan *hand sanitizer* atau apa juga perlindungan tambahan yang bersesuaian **sepanjang tempoh bertugas**.

B. SEKTOR INDUSTRI KAWALAN KESELAMATAN SWASTA

9. Apakah yang dimaksudkan dengan SOP Sektor Industri Kawalan Keselamatan Swasta?

SOP ini adalah merujuk kepada agensi persendirian yang dilesenkan di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 yang menjalankan perniagaan perkhidmatan pengawalan dan perlindungan bagi keselamatan diri orang lain atau bagi keselamatan harta atau perniagaan orang lain itu.

10. Adakah industri kawalan keselamatan boleh beroperasi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat?

Boleh, kecuali di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Semua syarikat yang beroperasi mulai 4 Mei 2020 perlu beroperasi berdasarkan SOP yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

11. Adakah industri kawalan keselamatan perlu mendapatkan kebenaran atau pengecualian untk beroperasi di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat?

Industri kawalan keselamatan tidak perlu mendapatkan kebenaran untuk beroperasi semasa dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat. Walau bagaimanapun industri kawalan keselamatan boleh memohon surat pengesahan dari Kementerian Dalam Negeri sebagai syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 bagi tujuan rujukan pihak berkuasa (jika diperlukan).

12. Adakah industri kawalan keselamatan boleh dikecuali dari pematuhan peraturan atau garis panduan berkaitan agensi kawalan keselamatan yang diterbitkan oleh Kementerian dalam Negeri dalam tempoh Perintah Kawalan Keselamatan Bersyarat?

Tidak.

13. Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh syarikat kawalan keselamatan sebelum membenarkan pengawal keselamatan bertugas di mana-mana premis pelanggan?

Syarikat kawalan keselamatan perlu **melaksanakan** perkara-perkara berikut sebelum membenarkan pengawal keselamatan bertugas di mana-mana premis pelanggan:

- a) Membekalkan penutup hidung dan mulut (*face mask*) dan *hand sanitizer* atau apa jua **perlindungan tambahan** yang bersesuaian kepada Pengawal Keselamatan. Memastikan *face mask* sentiasa dipakai oleh Pengawal Keselamatan sepanjang masa;
- b) Saringan kesihatan **terhadap setiap pengawal keselamatan** seperti **pengambilan** suhu dan **memastikan mereka tiada** gejala-gejala yang berkaitan Covid-19. Pekerja dengan suhu badan 37.5^o Celsius ke atas dilarang berada di premis; dan
- c) Memberikan taklimat berhubung penyakit Covid-19 **dan** langkah-langkah pencegahan sebelum **pengawal** dibenarkan bertugas di premis;

14. Adakah pengawal keselamatan warganegara Nepal diwajibkan untuk menjalani ujian saringan Covid-19 di mana-mana hospital atau klinik yang diiktiraf oleh Kerajaan?

Ya, setiap pengawal keselamatan warganegara Nepal adalah diwajibkan untuk menjalani ujian saringan Covid-19 di mana-mana hospital atau klinik yang diiktiraf oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, pengawal keselamatan warganegara Nepal adalah dibenarkan untuk bekerja sementara menunggu giliran/keputusan saringan Covid-19 diperolehi dengan syarat mematuhi semua Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

15. Adakah majikan perlu membiayai kos ujian saringan Covid-19 pengawal keselamatan warganegara Nepal?

Bagi syarikat yang mencarum PERKESO, Majikan boleh memanfaatkan Program Saringan PERKESO dengan mendapatkan saringan Covid-19 di premis penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh PERKESO. Majikan perlu mendaftarkan pekerjaannya melalui Portal PSP PERKESO di pautan <https://prihatin.perkeso.gov.my> sebelum melayakkan mereka menjalani PSP PERKESO. Info lanjut sila layari <https://prihatin.perkeso.gov.my>, laman sesawang PERKESO, www.perkeso.gov.my dan juga media sosial rasmi PERKESO.

Manakala syarikat yang tidak mencarum, perlu melakukan Saringan Covid-19 di hospital-hospital swasta yang menyediakan ujian tersebut dengan kos ditanggung oleh pihak majikan sendiri.

16. Adakah tempoh tugas pengawal keselamatan adalah terhad mengikut waktu yang ditetapkan untuk industri beroperasi?

Waktu bertugas pengawal keselamatan adalah tertakluk kepada kontrak yang dimeterai oleh syarikat kawalan keselamatan dan pelanggan kerana tugas kawalan keselamatan swasta adalah tertakluk di bawah perkhidmatan perlu.

17. **Adakah jumlah pengawal keselamatan yang bertugas di sesebuah premis perlu dikurangkan?**

Jumlah pengawal keselamatan yang bertugas di sesebuah premis adalah mengikut jumlah sebenar penugasan mengikut kontrak yang dipersetujui antara syarikat kawalan keselamatan dan pelanggan.

18. **Adakah pengawal keselamatan yang menaiki kenderaan syarikat tertakluk kepada arahan tidak melebihi 50% kapasiti kenderaan?**

Syarikat kawalan keselamatan perlu memastikan jumlah penumpang di dalam kenderaan syarikat tidak melebihi 50% daripada kapasiti kenderaan.

19. **Adakah pengawal keselamatan yang menaiki kenderaan persendirian ke tempat kerja juga tertakluk kepada arahan tidak melebihi 50% kapasiti kenderaan?**

Pengawal keselamatan yang menggunakan kenderaan persendirian ke tempat kerja tidak boleh membawa **lebih daripada tiga penumpang** dan penumpang itu hendaklah orang yang **tinggal serumah dengannya**.

20. **Adakah pengawal keselamatan boleh mengambil dan merekod suhu pekerja dan pelanggan?**

Hanya pengawal keselamatan statik sahaja dibenarkan untuk menjalankan tugas ini manakala pengawal bersenjata adalah **tidak dibenarkan** sama sekali untuk menjalankan tugas ini.

21. **Apakah yang dimaksudkan dengan menyediakan pengimbas thermal (*Thermal Scanner*) di semua pintu masuk premis kerajaan/swasta?**

Pengimbas Thermal (*Thermal Scanner*) bermaksud apa-apa alat pengimbas suhu badan seperti *Infrared IR Thermometer* untuk mengambil suhu badan bagi pekerja/pelanggan di premis kerajaan/swasta **yang disediakan oleh pemilik premis masing-masing**.

22. **Adakah syarikat kawalan keselamatan perlu menyediakan alat pengimbas suhu badan untuk kegunaan pengawal keselamatan di premis bertugas?**

Alat pengimbas suhu badan di premis pelanggan perlu di sediakan oleh pemilik premis masing-masing sebagai yang dinyatakan di dalam SOP pengoperasian industri yang terlibat.

Catatan:

- 1) *Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan Covid-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk kita sama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan pandemik Covid-19 ini.*
- 2) *Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaru pihak MKN dan KKM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.*

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

13 MEI 2020



SOALAN LAZIM (FAQ'S)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

POLIS DIRAJA MALAYSIA

1. **Adakah perlu sebarang dokumen kebenaran dari PDRM untuk bergerak *inter-state*?**

Buat masa ini PDRM telah menangguhkan keperluan untuk mana-mana orang mendapatkan Permit Pergerakan Rentas Negeri.

2. **Sekiranya terdapat restoran/warung beroperasi seperti biasa dengan orang awam makan di premis tersebut, dengan siapakah perlu saya laporkan perkara ini bagi tujuan penguatkuasaan?**

Restoran dan warung **HANYA** dibenarkan untuk menyediakan makanan secara *take-away* sama ada oleh pembeli atau melalui khidmat hantaran ke rumah. Sekiranya terdapat premis yang beroperasi seperti biasa, orang awam diminta untuk melaporkan kepada Balai Polis yang berhampiran untuk tindakan susulan.

3. **Majikan saya berkeras untuk pekerja datang ke pejabat walaupun pejabat/kilang tidak termasuk dalam senarai *essential*, bolehkah saya melaporkan kepada pihak PDRM?**

Aduan berkaitan boleh dilaporkan terus kepada PDRM atau Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

4. **Sekiranya terdapat sekatan jalan raya (*road-block*) sebagai langkah kawalan pergerakan yang dilaksanakan, adakah saya perlu mengemukakan dokumen sokongan bagi membuktikan keperluan saya bergerak ke pejabat?**

Majikan kepada *essential services* (awam dan swasta) perlu mengeluarkan surat arahan bertugas kepada setiap individu yang diarahkan bertugas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

Buat masa ini pihak PDRM tidak mengeluarkan sebarang permit pergerakan.

5. **Bagi pergerakan lori penghantaran barangan bukan *essential*, perlukah ditunjukkan sebarang dokumen sokongan mengenai keperluan pergerakan lori ini sekiranya terdapat sekatan jalan raya (*road block*) oleh PDRM?**

Ini adalah satu kesalahan di bawah Peraturan 7, Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020, apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM1,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya.

6. **Apakah bentuk tindakan yang akan dikenakan terhadap orang awam atau majikan yang dengan sengaja melanggar Perintah Kawalan Pergerakan?**

Hukuman penjara enam (6) bulan atau denda RM1,000.00 akan dikenakan sekiranya orang awam atau majikan didapati melanggar Perintah Kawalan Pergerakan.

7. **Apakah bentuk tindakan terhadap pihak yang membuat atau menyebarkan berita-berita palsu (*fake news*)?**

Tindakan boleh diambil di bawah:

- a. Sek.505(b) Kanun Keseksaan dengan penjara dua (2) tahun dan denda; dan
- b. Sek.233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dengan denda RM50,000.00 atau penjara satu (1) tahun.

8. Bagaimana orang awam boleh menghubungi pihak PDRM bagi mengajukan soalan-soalan berkaitan?

Orang ramai boleh hubungi Pusat Kawalan Malaysia di talian 03-22663333 atau 03-22663444, dan juga di talian Pusat Pengurusan Operasi Negara 03-88882010.

JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA

SEKATAN PERJALANAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA (JIM)

9. Sejauh manakah sekatan ini melibatkan pergerakan antara negara?

Sekatan menyeluruh meliputi semua perjalanan warganegara dan penduduk tetap Malaysia ke luar negara dan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam Negara.

WARGANEGARA DAN PENDUDUK TETAP MALAYSIA

10. Saya warganegara / penduduk tetap Malaysia yang sedang berada di luar negara dan berhasrat ingin pulang ke Malaysia. Adakah saya boleh pulang ke Malaysia dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

Bagi warganegara dan penduduk tetap Malaysia yang pulang dari luar Negara, mereka dibenarkan masuk dan dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan dan melakukan kuarantin sendiri (*self-quarantine*) selama 14 hari.

11. Adakah PKP bagi warganegara Malaysia (Semenanjung) bebas untuk bergerak ke Sabah / Sarawak?

Ya, terpakai bagi perjalanan domestik kecuali bagi warganegara Malaysia yang sedang bercuti, belajar atau bekerja/menjalankan tugas rasmi di Sabah/Sarawak adalah tidak dihalang untuk kembali ke Semenanjung dan sebaliknya.

Pergerakan dari Semenanjung ke Sabah :

- i. Penjawat Awam Negeri dan Persekutuan yang masuk ke negeri Sabah untuk menjalankan essential services tertakluk kepada surat pengesahan Ketua Jabatan yang dikeluarkan khusus setiap kali keperluan tugas.
- ii. Pekerja sektor swasta yang masuk ke negeri Sabah untuk menjalankan tugas-tugas *essential services* tertakluk kepada surat pengesahan majikan yang dikeluarkan khusus setiap kali keperluan tugas.
- iii. Penduduk Sabah yang bukan berasal dari Sabah (*non-Sabahan*) termasuk suami/isteri dan anak mereka dengan pemegang Pas Penduduk Tetap Sabah, penduduk Sabah dibawah Pas Kerja, Pas Pelajar, Pas Lawatan Sosial jangka panjang atau apa-apa perintah pengecualian dibenarkan masuk tertakluk kepada kuarantin sendiri selama 14 hari, *stay home notice*. Pasangan yang bukan penduduk Sabah perlu menunjukkan bukti perkahwinan.

Pergerakan dari Semenanjung ke Sarawak :

- i. Penduduk Sarawak yang bukan berasal dari Sarawak (*non-Sarawakian*) termasuk suami/isteri dan anak mereka dibenarkan masuk tertakluk kepada kuarantin sendiri selama 14 hari, *stay home notice*. Pasangan yang bukan penduduk Sarawak perlu menunjukkan bukti perkahwinan.

- ii. Penduduk Sarawak yang bukan berasal dari Sarawak (*non-Sarawakian*) termasuk suami/isteri dan anak mereka dengan pemegang Pas Kerja, Pas Pelajar, Pas Lawatan Sosial jangka panjang adalah dibenarkan masuk tertakluk kepada kuarantin sendiri selama 14 hari, *stay home notice*. Pasangan yang bukan penduduk Sarawak perlu menunjukkan bukti perkahwinan.
- iii. Pemegang MyPR Sarawak dibenarkan masuk tertakluk kepada kuarantin sendiri selama 14 hari, *stay home notice*.
- iv. Penjawat awam yang bukan anak tempatan Sarawak (*non-Sarawakian*) termasuk suami/isteri dan anak mereka yang bertugas di Sarawak dibenarkan masuk tertakluk kepada kuarantin sendiri selama 14 hari, *stay home notice*. Pasangan yang bukan penduduk Sarawak perlu menunjukkan bukti perkahwinan.
- v. Rakyat Brunei / Indonesia (Kalimantan) / Rakyat Malaysia (Sabah) dan Singapura yang transit dari Kalimantan dan Brunei melalui jalan darat perlu berlepas dan perlu melaporkan diri kepada Pegawai Imigresen di pintu masuk CIQS (Tebedu, Tedungan dan Sungai Tujuh, Merapok, Mengkalap, Biawak, Lubuk Antu dan Pandaruan) pada hari yang sama dengan Pas Transit.
- vi. Untuk anak tempatan Sarawak/bukan anak tempatan Sarawak yang memegang Pas Kerja Sarawak/Pas Pelajar/Pas Lawatan Jangka Panjang daripada Limbang, Lawas atau Miri yang merentasi Brunei perlu memohon pengecualian kuarantin sendiri selama 14 hari.

- vii. Penjawat Awam Negeri dan Persekutuan yang masuk ke negeri Sarawak untuk menjalankan *essential services* tertakluk kepada surat pengesahan Ketua Jabatan yang dikeluarkan khusus setiap kali keperluan tugas. Walau bagaimanapun, setiap warganegara yang melakukan pergerakan tersebut adalah tertakluk kepada arahan/garis panduan terkini yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

12. Adakah warganegara dan penduduk tetap Malaysia yang mempunyai permit bekerja di luar negara dibenarkan keluar dari Malaysia ke negara tersebut?

Warganegara dan penduduk tetap Malaysia yang mempunyai permit kerja iaitu Pemegang Pas Jangka Panjang di mana-mana negara **BOLEH KELUAR** dari Malaysia ke negara tersebut **DENGAN SYARAT TIDAK PULANG KE MALAYSIA SEBELUM 31 MAC 2020.**

13. Adakah warganegara dan penduduk tetap Malaysia yang mempunyai permit kerja di Singapura, dibenarkan untuk berulang-alik ke Singapura?

TIDAK BOLEH BERULANG-ALIK. Warganegara dan penduduk tetap Malaysia yang mempunyai permit kerja sah di Singapura, dibenarkan keluar ke Singapura untuk bekerja dengan syarat mempunyai surat panggilan kerja daripada majikan di Singapura dan persetujuan bertulis bahawa kemudahan penginapan disediakan oleh majikan sehingga 31 Mac 2020.

14. Adakah Warganegara dan penduduk tetap Malaysia atau warganegara asing dibenarkan untuk memandu kenderaan berat merentasi sempadan Negara?

Warganegara dan penduduk tetap Malaysia atau warganegara asing yang memandu kenderaan berat untuk tujuan membawa *essential services related items / commercial items* adalah dibenarkan keluar dan masuk serta dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan di pintu-pintu masuk

berkaitan. Walau bagaimanapun, pergerakan item tersebut adalah tertakluk kepada arahan semasa yang dikeluarkan oleh agensi lain yang berkaitan.

WARGA ASING YANG BERADA DI MALAYSIA DALAM TEMPOH PKP

15. **Saya warga asing / pelancong asing pemegang Pas Lawatan Sosial (PLS) yang sedang berada di Malaysia. Jika pas saya akan tamat dalam tempoh PKP, apakah yang perlu saya lakukan?**

Pelawat / pelancong asing **dibenarkan keluar dari Malaysia** dan tidak dibenarkan kembali semula sepanjang tempoh sekatan PKP berkuat kuasa.

16. **Sekiranya saya hendak pulang ke negara asal tetapi negara saya sedang dalam lockdown dan tiada sesiapa dibenarkan keluar atau masuk dan tiada penerbangan keluar, bolehkah saya terus berada di Malaysia?**

Boleh, warga asing yang tidak boleh pulang disebabkan perkara di atas boleh memohon Pas Khas (*Special Pass*) dari Pejabat JIM terdekat **dengan kadar segera selepas tempoh PKP tamat, dengan syarat memiliki dokumen perjalanan yang masih dalam tempoh sah laku.**

17. **Apakah yang perlu dilakukan sekiranya tempoh sahlaku Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) pekerja asing saya tamat dalam tempoh PKP ini sedangkan pekerja asing masih berada di Malaysia?**

Mana-mana warga asing yang merupakan pemegang pas jangka panjang di Malaysia (seperti PLKS, Pas Penggajian (Pas Ekspatriat), Pas Pelajar, Pas Tanggungan (kepada Pemegang Pas Lawatan Jangka Panjang) dan Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (MM2H)) yang tamat tempoh semasa PKP, sekiranya :

- (i) berhasrat pulang ke negara asal, adalah dibenarkan keluar melalui pintu-pintu masuk / keluar tanpa perlu memperbaharui pas;
- (ii) berhasrat melanjutkan tempoh pas sedia ada, pembaharuan hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari selepas tempoh perintah kawalan pergerakan tamat.

Nota: Pemohon hendaklah memiliki dokumen perjalanan yang masih dalam tempoh sah laku.

WARGA ASING PEMEGANG PAS MALAYSIA YANG BERADA DI LUAR NEGARA DALAM TEMPOH PKP

- 18. Sekiranya pemegang pas jangka panjang di Malaysia pulang bercuti di negara asal dan ingin masuk ke Malaysia dalam tempoh PKP. Bolehkah dia dibenarkan masuk ke Malaysia?**

Semua warganegara asing **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke Malaysia termasuk pemegang pas seperti Pas Lawatan Kerja Sementara, Pas Penggajian (Pas Ekspatriat), Pas Pelajar, Pas Tanggungan (kepada Pemegang Pas Lawatan Jangka Panjang) dan Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (MM2H). **Pengecualian** hanya diberikan kepada:

- i. Suami / Isteri dan anak kepada Warganegara Malaysia dibenarkan masuk dengan syarat mempunyai Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (Suami / Isteri) dan Pas Tanggungan serta menjalani kuarantin sendiri (*self quarantine*) selama 14 hari.

- ii. Diplomat asing yang bertugas di perwakilan dalam negara dibenarkan masuk dan menjalani kuarantin sendiri (*self quarantine*) selama 14 hari. Sekiranya pasangan atau keluarga diplomat ingin masuk bersama ke Malaysia, mereka perlu mempunyai Pas Tanggungan.
- iii. Pemegang Pas Ekspatriat yang terlibat dalam essential services (seperti senarai yang telah ditentukan) perlu mendapat kelulusan Kementerian / Agensi Kawal selia berkaitan dan seterusnya kelulusan Ketua Pengarah Imigresen sebelum pelepasan ke Malaysia, di samping menjalani kuarantin sendiri (*self-quarantine*) selama 14 hari.

19. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya saya berada di luar negara dan pas jangka panjang saya akan tamat dalam tempoh PKP.

Sekiranya pas tamat tempoh semasa perintah kawalan pergerakan dan pemegang pas berada di luar negara, mereka dibenarkan kembali semula ke negara ini dalam tempoh tiga bulan selepas tamat tempoh perintah kawalan pergerakan ini berakhir dan dikehendaki memperbaharui pas dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh masuk ke Malaysia.

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

20. Bagaimana Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menghadapi dan menangani penularan wabak COVID -19?

JPN telah melaksanakan tindakan pencegahan seperti:

- a. Menyediakan petugas untuk memeriksa suhu badan kakitangan dan pelanggan;

- b. Menyediakan cecair sanitasi di pintu-pintu masuk Jabatan dan kaunter-kaunter urusan;
- c. Meningkatkan tahap kebersihan premis; dan
- d. Mewajibkan para petugas di kaunter memakai penutup mulut (*mask*) dan sarung tangan getah (*rubber glove*)

21. Berapakah bilangan pejabat JPN yang dibuka sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan?

Sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, JPN membuka 29 buah pejabat JPN diseluruh Negara seperti di **LAMPIRAN A**.

22. Bilakah waktu operasi kaunter JPN)?

Waktu operasi kaunter JPN bermula 8.00 pagi sehingga 5.00 petang

23. Bagaimana pula status operasi kaunter-kaunter JPN di UTC seluruh Negara?

Kerajaan telah memutuskan bahawa operasi semua UTC ditutup kepada umum bermula 18 Mac sehingga 31 Mac 2020. Penguatkuasaan ini berdasarkan surat arahan daripada Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 17 Mac 2020.

24. Apakah jenis urusan dan perkhidmatan kaunter JPN yang dibuka?

Hanya satu (1) urusan dibenarkan iaitu :

- a. Permohonan Kad Pengenalan rosak dan hilang sahaja. Permohonan Kad Pengenalan kali pertama (12 Tahun) boleh ditangguhkan dahulu sehingga tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berakhir;

JPN menasihatkan orang ramai untuk menangguhkan urusan di JPN kecuali bagi urusan mendesak dan kecemasan sahaja seperti urusan perbankan, perkerjaan, perkhidmatan kesihatan dan yang berkaitan dengan agensi penguatkuasa sahaja.

25. Bagaimana urusan di bahagian urusniaga utama yang lain?

Sepanjang tempoh perintah kawalan ini semua urusniaga kaunter Bahagian Kewarganegaraan (BWN), Bahagian Perkahwinan dan Penceraian (BKC) dan Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan (BSK) ditangguhkan.

Bagi urusan semakan atau pertanyaan boleh menghubungi talian :

- a. Urusan perkahwinan dan penceraian : **03 8880 8134**
- b. Urusan siasatan dan penguatkuasaan : **03 8880 7700**
- c. Urusan semakan permohonan status kewarganegaraan : **03 8880 8171**

26. Adakah urusan daftar lewat kad pengenalan dan daftar lewat kelahiran masih diteruskan?

Semua urusan daftar lewat kad pengenalan dan daftar lewat kelahiran ditangguhkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

27. Adakah kutipan kad pengenalan (MyKAD, MyPR dan MyKAS) boleh dibuat?

Pelanggan diminta hadir membuat kutipan kad pengenalan selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan sekiranya tiada keperluan mendesak seperti urusan perbankan, pekerjaan, perkhidmatan kesihatan dan yang berkaitan dengan agensi penguatkuasaan. Bagi tempoh ini, slip kad pengenalan sementara (KPPK09/KPPK11) boleh digunakan sebagai pengenalan diri.

28. Urusan Permohonan MyPR dan MyKAS masih boleh dibuat?

Tiada urusan permohonan MyPR dan MyKAS semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

JABATAN PENJARA MALAYSIA

29. Bolehkah banduan/penghuni institusi Penjara berjumpa dengan ahli keluarga atau pihak luar sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?

Semua perjumpaan banduan dengan keluarga, peguam, polis dan pihak kedutaan **DITANGGUHKAN**.

Ini termasuklah semua perpindahan banduan ke institusi lain dan juga pergerakan banduan keluar di bawah Seksyen 31 seperti menziarahi kematian dan ahli keluarga yang sakit juga terpaksa **DITANGGUHKAN**.

30. Bagaimana pihak keluarga boleh berhubung dengan banduan/penghuni sekiranya berlaku kematian?

Pihak keluarga boleh menghubungi institusi Penjara di mana banduan/penghuni ditempatkan untuk memaklumkan maklumat berkenaan melalui pihak Penjara.

31. Adakah Pejabat Parol Daerah dibuka seperti biasa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?

Ya.

32. Adakah pelepasan parol mengikut tarikh ditetapkan?

Pelepasan parol **DITANGGUHKAN** sehingga 1 April 2020 dan sebarang maklumat terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

33. Adakah operasi dan kelas pembelajaran di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Integriti berjalan seperti biasa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?

Tidak, semua operasi dan kelas pembelajaran ditangguhkan.

LEMBAGA PENAPISAN FILEM

PANDUAN PERMOHONAN PENAFISAN FILEM DAN BAHAN PUBLISITI

34. Adakah proses permohonan baharu penapisan filem dan bahan publisiti filem diproses sepanjang penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan?

Semua permohonan baharu penapisan filem dan bahan publisiti filem **DIBEKUKAN** dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

35. Adakah permohonan permohonan penapisan filem dan bahan publisiti filem yang telah diterima sehingga 17 Mac 2020 akan diproses?

Semua permohonan penapisan filem dan bahan publisiti filem yang telah diterima sehingga 17 Mac 2020 akan **DIPROSES** sewajarnya mengikut prosedur semasa hingga selesai.

- 36. Adakah proses pembayaran bagi urusan penapisan filem dan bahan publisiti filem boleh dibuat sepanjang penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan?**

Urusan pembayaran bagi penapisan filem dan bahan publisiti filem **DITANGGUHKAN** ke 1 April 2020.

JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA

- 31. Apakah punca kuasa Jabatan Sukarelawan Malaysia bagi melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan?**

Jabatan Sukarelawan Malaysia telah diberi kuasa di bawah Seksyen 3 Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342) bagi melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan, Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 yang telah diwartakan pada 18 Mac 2020.

- 32. Apakah peranan anggota RELA sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika ini?**

Anggota RELA ditugaskan :

- i. Membantu melaksanakan kawalan keselamatan perimeter Stesen Kuarantin yang ditubuhkan atas arahan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN);
- ii. Melaksanakan rondaan di sekitar kawasan yang ditetapkan oleh Pengarah;
- iii. Bahagian Operasi/ Pegawai yang diberi kuasa;
- iv. Mengarahkan orang ramai yang berkumpul dan berkeliaran supaya

- pulang ke rumah;
- v. Mengarahkan peniaga-peniaga premis menjual makanan supaya tidak menghidangkan makanan (*dine-in*) di premis masing-masing;
 - vi. Mengarahkan premis yang tidak menyediakan keperluan asas (*essentials*) supaya ditutup dengan segera;
 - vii. Melaporkan ketidakpatuhan larangan PKP kepada bilik gerakan negeri;
 - viii. Membuat pengawasan kepada orang-orang yang diarahkan kuarantin oleh Pejabat Kesihatan Daerah;
 - ix. Menyalurkan maklumat/ isu-isu lapangan mengikut format yang ditetapkan oleh Jabatan; dan
 - x. Melaporkan segera insiden yang berlaku di lapangan terus untuk tindakan Bilik Gerakan.

34. Bagaimanakah untuk berhubung dengan Ibu Pejabat Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA Malaysia) bagi sebarang pertanyaan berkenaan arahan semasa penugasan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?

Sebarang pertanyaan berkenaan pelaksanaan arahan-arahan semasa penugasan RELA sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berlangsung boleh dibuat menerusi talian **03 88 703692**.

ONE STOP CENTRE (OSC), KEMENTERIAN DALAM NEGERI

35. Adakah Kaunter One Stop Centre (OSC), Kementerian Dalam Negeri beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?

Kaunter *One Stop Centre* (OSC), Kementerian Dalam Negeri **DITUTUP** sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan ini. Pemakluman penutupan operasi telah dikeluarkan pada 17 Mac 2020 menerusi hebahan di media sosial rasmi KDN.

BAHAGIAN PENDAFTARAN NEGARA DAN PERTUBUHAN

- 36. Adakah urusan pengambilan Surat Keputusan Kewarganegaraan boleh dibuat sepanjang penguatkuasaan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Segala urusan pengambilan Surat Keputusan Kewarganegaraan **BOLEH DIAMBIL SELEPAS** tempoh Perintah Kawalan Pergerakan tamat.

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN

- 37. Adakah urusan permohonan semakan teks Al-Quran berjalan seperti biasa sepanjang tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan?**

Urusan semakan teks Al-Quran buat masa ini hanya dijalankan terhadap permohonan yang diterima sebelum Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan.

BAHAGIAN PENGURUSAN PEKERJA ASING

- 38. Adakah sesi temuduga dibuka sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Kaunter temuduga akan ditutup sepanjang tempoh kawalan pergerakan berkuatkuasa.

- 39. Sekiranya tarikh akhir bayaran levi jatuh pada tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, adakah syarikat akan memperolehi tempoh lanjutan bayaran?**

Tempoh bayaran levi akan dilanjutkan selama dua minggu selepas tempoh perintah kawalan pergerakan tamat. Lanjutan ini akan diberikan kepada majikan yang tamat tempoh bayaran levi dalam tempoh penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan.

40. Adakah urusan kemasukan pekerja asing ke dalam negara masih berlangsung sepanjang penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan?

Sebarang urusan pekerja asing ke dalam negara diberhentikan seketika sepanjang penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan.

41. Bolehkah pelanjutan diberikan kepada majikan yang tamat kelulusan bersyarat pekerja asing dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?

Tidak. Tempoh 18 bulan yang diberikan oleh kerajaan adalah memadai bagi mengurus kemasukan pekerja asing ke dalam negara.

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

42. Apakah saluran yang diwujudkan sekiranya terdapat sebarang aduan berkaitan Kementerian Dalam Negeri?

Sebarang aduan atau pertanyaan boleh dibuat menerusi :

i. Bilik Gerakan KDN : 03- 8886 8110 / 03-8886 8126
Waktu Operasi :8.00 pagi -12.00 tengah malam.

ii. Emel : pro@moha.gov.my

iii. Sistem Pengurusan Aduan Awam Kementerian Dalam Negeri
menerusi : <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/maklumbalas-aduan>.

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI
21 MAC 2020**

